



24 November 2014
24 November 2014
P.U. (B) 519

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 60/1911* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 6 Januari 1911, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh seksyen 8 Enakmen Tanah 1903, Residen British Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 7,750 yang disimpan di pejabat Penguasa Ukur Hasil, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud kuari yang disenggarakan oleh pegawai yang pada masa itu dilantik untuk menjalankan tugas Jurutera Negeri Selangor:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur pada pukul 9.00 pagi dari 1 Disember 2014 hingga 5 Disember 2014.

JADUAL

Daerah – Kuala Lumpur *Mukim* – Kuala Lumpur *No. Pelan* – 7,750
Bahagian – No. 564 *Luas* – 4 ekar 3 rud 18 pol *Sempadan* – Utara, bahagian No. 366;
Timur, bahagian No. 366 dan tanah Kerajaan: Selatan, tanah Kerajaan: Barat, jalan dari
Kuala Lumpur ke Cheras.

Bertarikh 30 Oktober 2014

[PTG/WP(S).100-2/17/2; PTG/WP 11/35/2014; PN(PU2)213/LXIX]

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Pengerusi
Jawatankuasa Kerja Tanah
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by *Notification No. 60/1911* published in the *Government Gazette* of the Federated Malay State on 6 January 1911, in exercise of the powers vested in him by section 8 of the Land Enactment 1903, the British Resident of Selangor has proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. 7,750 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Selangor to be a reserve for the purpose of quarry to be maintained by the officer for the time being holding the appointment of State Engineer of Selangor:

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at an enquiry to be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd, 3rd, and 4th Floors, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur at 9.00 a.m. from 1 December 2014 to 5 December 2014.

SCHEDULE

District – Kuala Lumpur *Mukim* – Kuala Lumpur *Plan No.* – 7,750
Portion – No. 564 *Area* – 4 acres 3 roods 18 poles *Boundaries* – North,
portion No. 366; East, portion No. 366 and State land: South, State land: West, road
from Kuala Lumpur to Cheras.

Dated 30 October 2014

[PTG/WP(S).100-2/17/2; PTG/WP 11/35/2014; PN(PU2)213/LXIX]

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Chairman
Land Executive Committee
Federal Territory of Kuala Lumpur